



TRAGEDI MH370

BH
30/1/2015
mls 9



171



Kronologi kehilangan pesawat MH370

- ⊙ **8 MAC** - MH370 dengan 227 penumpang dan 12 kru berlepas dari KLIA pada jam 12.41 tengah malam dan hilang dari radar kira-kira sejam kemudian ketika merentasi di Laut China Selatan. Ia dijadual mendarat di Beijing, China pada 6.30 pagi hari yang sama.
- Operasi mencari dan menyelamat (SAR) digerakkan di Laut China Selatan pada jam 5.30 pagi.
- ⊙ **9 MAC** - Radar Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menunjukkan kemungkinan sebuah pesawat yang tidak dikenal pasti berpatah balik.
- ⊙ **11 MAC** - Operasi SAR diperluas ke Selat Melaka berikutan kemungkinan pesawat berpatah balik.
- ⊙ **12 MAC** - Operasi SAR diperluas ke selatan Thailand dan Laut Andaman.
- ⊙ **14 MAC** - Operasi SAR diperluas ke Lautan Hindi.
- ⊙ **15 MAC** - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengesahkan pesawat yang dikesan berpatah balik ialah MH370. Operasi SAR memfokus kepada koridor utara dari sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan ke utara Thailand, dan koridor selatan dari Indonesia ke selatan Lautan Hindi.
- Operasi SAR di Laut China Selatan ditamatkan.
- ⊙ **22 MAC** - Satelit China mengesan objek terapan berukuran 22.5 meter X 13 meter di Lautan Hindi.
- ⊙ **23 MAC** - Imej baharu satelit milik pihak berkuasa Perancis menunjukkan objek yang mungkin mempunyai kaitan dengan pesawat MH370 di koridor selatan.
- ⊙ **24 MAC** - Najib mengumumkan penerbangan MH370 berakhir di selatan Lautan Hindi.
- ⊙ **25 MAC** - Operasi SAR ditumpukan di selatan Lautan Hindi berikutan petunjuk terbaru dan pencarian di koridor utara dihentikan.
- ⊙ **29 MAC** - Kementerian Pengangkutan menubuhkan panel antarabangsa siasat kehilangan MH370.
- ⊙ **31 MAC** - Transkrip perbualan terakhir antara pengawal trafik udara dan kokpit pesawat MH370 pada jam 1.19 pagi (waktu Malaysia) pada 8 Mac iaitu "All right, good night MH370" (Baiklah, selamat malam MH370).
- ⊙ **3 APRIL** - Najib menemui Abbott di Australia bagi merakamkan penghargaan atas kerjasama Australia dan semua yang terbabat dalam operasi mencari MH370.
- ⊙ **4 APRIL** - Pencarian MH370 memasuki fasa baharu menerusi operasi dalam air di selatan Lautan Hindi



- **16 MAC** - Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, menjuruskan siasatan kepada empat bidang iaitu kemungkinan rampasan, sabotaj, keadaan psikologi penumpang dan anak kapal serta masalah peribadi mereka.
- Polis merampas simulator penerbangan buatan sendiri dari rumah juruterbang MH370, Kapten Zaharie Ahmad Shah.
- **17 MAC** - Operasi besar-besaran SAR membatinkan 26 negara meliputi kawasan seluas 2.24 juta batu nautika.
- **18 MAC** - Laporan berita asing mendakwa pesawat yang hilang dilihat terbang rendah di ruang udara Maldives tetapi dinafikan pihak berkuasa Malaysia.
- **20 MAC** - Perdana Menteri Australia, Tony Abbott, memaklumkan Najib berkaitan objek yang mungkin mempunyai kaitan dengan MH370 dikesan di selatan Lautan Hindi.
- **14 APRIL** - Kenderaan dalam air autonomi (AUV) Bluefin-21 digunakan mencari MH370.
- **28 APRIL** - Agensi Keselamatan Maritim Australia (AMSA) mengumumkan perubahan fasa pencarian daripada 'search & rescue' kepada 'search & recovery'.
- **1 MEI** - Kementerian Pengangkutan Malaysia mengeluarkan laporan awal kehilangan MH370, termasuk senarai kargo dan rakaman audio antara kokpit dengan ATC Kuala Lumpur.
- **27 MEI** - Data satelit Inmarsat didedahkan kepada umum.
- **28 MEI** - Bluefin menamatkan misi mencari.
- **15 JUN** - 100 hari pesawat MH370 hilang.

○ **29 JANUARI 2015**
 Kerajaan Malaysia isytihar semua penumpang pesawat MH370 terkorban.

“Cuma lokasi itu dikenal pasti lebih kurang seminggu selepas pesawat hilang. Dalam tempoh itu, serpihan atau pesawat mungkin dibawa arus ke lokasi lain mengikut pola arah ombak dan angin,” katanya.

Pampasan

Mengulas mengenai pampasan, Mohd Harridon berkata lazimnya, syarikat yang memiliki pesawat itu akan memberi pampasan kepada ahli keluarga.

Mohd Harridon menarik perhatian, jikalau penumpang ada mengambil insurans penerbangan, maka syarikat insurans itu akan memberi pampasan juga.

Sementara itu, Ketua Penolong

Pengarah Bahagian Kemajuan Islam Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Mohd Ajib Ismail, berkata solat ghaib boleh dilakukan jika tiada jenazah sampai kepada ahli dan waris keluarga.

“Mereka perlu tunggu pengisytiharan dahulu. Kemudian bolehlah solat ghaib dilakukan sama ada di kalangan mereka atau seluruh negara secara besar-besaran,” katanya.

Katanya, dari sudut pandangan agama, tidak berbangkit soal upacara pengebumian atau mengadakan kubur untuk anak kapal dan penumpang pesawat itu memandangkan tiada jenazah atau mayat ditemukan.

- BERNAMA

“**Kita mempunyai prosedur dan bagi memudahkan ahli keluarga mangsa MH370, kita akan berbincang dengan Jabatan Peguam Negara dan pihak mahkamah”**

Sulaiman Keling,
 Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara

Bincang keluar sijil mati

Kuala Lumpur: Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara berhubung prosedur untuk mengeluarkan sijil kematian bagi mangsa pesawat MH370.

Ketua Pengarahnya, Datuk Sulaiman Keling, berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan secara terperinci terhadap aspek perundangan bagi melicinkan proses yang perlu jika ada tuntutan membatinkan jabatan itu.

“Kita mempunyai prosedur dan

bagi memudahkan ahli keluarga mangsa MH370, kita akan berbincang dengan Jabatan Peguam Negara dan pihak mahkamah,” katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu.

Beliau berkata demikian mengulas perisytiharan kerajaan Malaysia kehilangan MH370 adalah satu kemalangan dan semua 239 penumpang dan anak kapalnya maut.

- BERNAMA